

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1994/95

April, 1995

AKU402 - PERCUKAIAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SEMBILAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan.

Soalan 1

Encik Samad bekerja sebagai Pengurus Daerah di Insuran Pertama Bhd. Pendapatannya untuk dua belas bulan berakhir 31hb Disember 1994 adalah seperti berikut:

Gaji	:	RM2,000 sebulan.
Bonus	:	RM6,000.
Komisyen	:	RM12,000 (untuk tahun berakhir 30hb September 1994. Amaun ini belum lagi dibayar kerana tidak disetujuinya).
Penginapan	:	Diperuntukkan disebuah hotel untuk sepanjang tahun dan dikenakan RM9,600.
Elaun kereta	:	RM100 sebulan tetapi Encik Samad membelanjakan RM800 untuk urusniaga-urusniaga majikannya dalam tahun 1994.

Maklumat-maklumat tambahan:

- (a) Encik Samad telah diberi opsyen pilihan pada 30hb Jun 1994 untuk membeli 5,000 saham (nilai tara RM1 sesyer) Insuran Pertama Bhd. pada RM3 sesyer. Opsyen pilihan ini hendaklah digunakan pada atau sebelum 30hb November 1994. Nilai pasaran sesyer pada 30hb Jun 1994 adalah RM4. Bila Encik Samad menggunakan opsyen pada 30hb September 1994 nilai pasaran sesyer ialah RM3.50.
- (b) Isterinya meninggal dunia pada 30hb September 1994 dan pendapatannya dari sewa rumah adalah RM24,000 setahun.

...2/-

- (c) Encik Samad menarik diri dari satu perkongsian perniagaan kain di Indonesia pada 31hb Ogos 1993. Keuntungan sebanyak RM23,000 untuk dua tahun telah dihantar balik ke Malaysia pada 31hb Mac 1994.
- (d) Yang berikut telah dituntut oleh Encik Samad sebagai pelepasan:

	RM
Bayaran keahlian Kelab Golf	6,000
Bayaran keahlian Persatuan Mahasiswa	-
Lepasan Australia	1,200
Zakat dan fitrah	1,000

- (e) Tuntutan untuk pelepasan anak-anak adalah seperti berikut:
- (i) Anak pertama: umur 24 tahun dan belum kahwin; menjalankan latihan di sebuah firma perakaunan di Singapura. Dia dibayar elaun sebanyak RM2,400 setahun oleh firma tersebut.
 - (ii) Anak kedua: umur 22 tahun dan bujang; menuntut di Universiti Sains Malaysia, mempunyai pendapatan sewa sebanyak RM3,600 dari harta-harta yang dipindah milik kepadanya daripada ayahnya, dibawah satu 'settlement' yang boleh ditarik balik (revocable settlement).
 - (iii) Anak ketiga: umur 15 tahun; sedang belajar di sebuah sekolah umum di England, sebanyak RM6,000 setahun dibelanjakan atas pelajarannya di sana.
- (f) Encik Samad memperolehi suatu polisi nyawa sebanyak RM50,000 dan premium tahunan ialah RM3,800. Dalam tahun 1994 premium ini telah dibayar melalui pinjaman dari Syarikat Insuran tersebut.
- (g) Dalam tahun 1994, Encik Samad menderma RM4,000 kepada Tabung Perumahan Kos Rendah Bank Negara Malaysia.

Dikehendaki:

Kira cukai pendapatan yang dikena bayar oleh Encik Samad untuk Tahun Taksiran 1995.

[18 markah]

...3/-

- 3 -

Soalan 2

Sukamain Bhd. menjalankan perniagaan sebagai pembuat permainan untuk di eksport ke luar negeri, Akaun Perdagang dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31/12/1994 adalah seperti berikut:

**Akaun Perdagangan dan Untung Rugi Bagi
Tahun Berakhir 31/12/1994**

	<u>RM 000</u>		<u>RM 000</u>
Stok barang siap pada 1/1/1994	2,500		9,500
Kos pengeluaran	6,000		

	8,500		
Tolak: Stok barang siap pada 31/12/1994	(1,200)		

	7,300		
Untung kasar	2,200		

	9,500		9,500
	=====		=====
Gaji	600	Untung kasar	2,200
Hak patent	50	Untung penukaran	
Premium insuran api	8	wang asing	100
Premium insuran eksport	7	Untung jualan	5
Belanja pelbagai	60	kereta	
Keraian	40		
Latihan untuk pekerja	20		
Penyelidikan	100		
Sewa	30		
Utiliti	10		
Faedah	7		
Kehilang rompakan wang	3		
Iklan	180		
Peruntukan hutang lapuk/ragu	200		
Sumbangan	80		
Susutnilai	232		
Untung bersih	678		

	2,305		2,305
	=====		=====

Maklumat tambahan:

- (a) Kadar untung kasar Sukamain Bhd. ialah 30% pada kos barang dijual. Dalam tahun 1994, Sukamain Bhd. mengeksport kepada anak syarikatnya di Singapura pada kos. Nilai kos tersebut ialah RM500,000.

- (b) Untung penukaran wang Franc asing adalah nilai bersih. Sukamain Bhd. mempunyai deposit Franc di sebuah bank Switzerland. Oleh kerana kenaikan matawang Franc terhadap matawang Ringgit Malaysia, deposit tersebut telah menambah dengan nilai sebanyak RM150,000 dan ia telah di bawa balik ke Malaysia dalam tahun 1994. Sukamain Bhd. telah mengalami dan realis kerugian penukaran matawang sebanyak RM50,000 dalam tahun 1994 melalui pembelian bahan mentah.
- (c) Sukamain Bhd. memperolehi patent untuk membuat sejenis permainan bergerak dan bayaran RM50,000 mewakili ansuran ke-3 bagi lima ansuran tahunan.
- (d) Suatu kebakaran telah berlaku dan Sukamain Bhd. menerima pampasan insuran api sebanyak RM400,000 ke atas stok yang dimusnahkan.
- (e) Premium insuran eksport sebanyak RM7,000 adalah dibayar kepada Malaysia National Insurance Bhd.
- (f) Belanja keraian termasuk:

	RM
Makan malam kakitangan	20,000
Meraikan pelanggan luar negeri	20,000
	<hr/>
	40,000
	<hr/>

- (g) Latihan untuk pekerja telah dijalankan di Pusat Latihan Teknologi yang dianjurkan oleh Kementerian Sumber Manusia.
- (h) Belanja penyelidikan telah dibayar kepada sebuah syarikat R & D yang diluluskan supaya menjalankan satu projek penyelidikan.
- (i) Faedah dibayar bagi overdraf bank yang digunakan untuk menjelaskan duti kastam (RM6,000) dan cukai pendapatan (RM1,000).
- (j) Juruwang firma telah dirompak semasa perjalanan ke bank. Wang syarikat yang dirompak tidak dilindungi dengan polisi insuran.
- (k) Iklan - Sukamain Bhd. mengambil bahagian dalam suatu peraduan yang dianjurkan oleh pembuat-pembuat tempatan dan menyumbangkan sebuah kereta Proton Wira berharga RM50,000 sebagai hadiah dan cenderamata yang membawa logo Syarikat Sukamain Bhd. bernilai RM30,000. Baki belanja iklan sebanyak RM100,000 adalah berkaitan dengan pengiklan dalam media di luar Malaysia supaya mencari peluang baru dan menambah permintaan barang yang dieksport oleh Sukamain Bhd.

...5/-

(l) Akaun Peruntukan Hutang Lapuk/Ragu.

	<u>RM 000</u>		<u>RM 000</u>
Hutang lapuk (niaga)	300	Baki awal:	
Hutang lapuk (pinjaman)	40	Rezab Tertentu	95
Baki akhir		Rezab Am	
Rezab Tertentu	115	(10% penghutang)	440
Rezab Am (10% penghutang)	280	Akaun U/R	200
	---		---
	735		735
	---		---

(m) Sumbangan RM80,000 telah diberi kepada SIRIM, sebuah badan penyelidikan yang diluluskan.

(n) Elaun modal yang dituntut:

Jentera @ 10% - Beli pada 1991 dan baki perbelanjaan pada 1/1/1994 ialah RM1,000,000.

Kereta-kereta @ 16% - Beli pada 1992 dengan jumlah kos RM320,000 (Mercedes RM160,000; Honda RM100,000; dan Proton RM60,000). Kereta Proton telah dijual dengan harga RM40,000 pada 1994.

(o) Dividen bersih yang dibayar oleh Sukamain Bhd. dalam 1994 ialah RM500,000 pada 30/6/1994 dan RM1,500,000 pada 31/12/1994. Baki akaun S.108 pada 1/1/1994 ialah RM100,000 (Baki kredit untuk Compared Aggregate).

Dikehendaki:

- (i) Kira cukai pendapatan yang kena dibayar oleh Sukamain Bhd. untuk Tahun Taksiran 1995.
- (ii) Menyiapkan pengiraan akaun S.108 bagi Tahun Taksiran 1995 untuk Sukamain Bhd.
- (iii) Nasihatkan Sukamain Bhd. mengenai bayaran dividen di bawah S.108.

[28 markah]

...6/-

Soalan 3

A dan B adalah rakan kongsi yang berkongsi untung berasas 50% - 50%. Mereka mula perkongsian pada 1/3/1993 dan berakhir pada 30 November tiap-tiap tahun. Prestasi operasi perkongsian adalah seperti berikut:

	Dari 1/3/1993 Hingga 30/11/1993	Dari 1/12/1993 Hingga 30/11/1994
Bayaran kasar diterima	RM 300,000	RM 450,000
Belanja:		
Gaji - Kakitangan	RM 90,000	RM 120,000
- Rakan A	50,000	60,000
- Rakan B	50,000	50,000
Pentadbiran pejabat	60,000	80,000
Faedah bank atas pinjaman pelaburan	5,000	6,000
Faedah atas pinjaman rakan kongsi: A	-	-
B	10,000	12,000
Susutnilai	15,000	20,000
	-----	-----
	280,000	348,000
Pendapatan operasi	20,000	102,000
Dividen diterima	7,000	14,000
Pendapatan bersih	RM 27,000	RM 116,000
	=====	=====

Maklumat tambahan:

- (a) Untuk Tahun Taksiran 1994, tahan asas perkongsian ialah dari 1/3/1993 hingga 31/12/1993.
- (b) Perkongsian membeli peralatan baru pada April 1993 bernilai RM200,000 dan kadar eluan modal tahunan yang layak ialah 10% untuk Tahun Taksiran 1994.
- (c) Belanja pentadbiran pejabat termasuk derma yang diluluskan sebanyak RM6,000 dan RM8,000 yang dibayar pada 25/10/1993 dan 5/4/1994 masing-masing.
- (d) Encik A juga tuanpunya kedai XYZ yang mempunyai pendapatan berkanun sebanyak RM6,000 dalam Tahun Taksiran 1994.
- (e) Encik A mempunyai pendapatan faedah sebanyak RM12,000 dalam tahun 1993.
- (f) Encik A memberi derma yang diluluskan sebanyak RM10,000 dalam tahun 1993.

Dikehendaki:

Kira jumlah pendapatan Encik A untuk Tahun Taksiran 1994.

[18 markah]

...7/-

Soalan 4

Syarikat Jaya Bhd. telah ditubuhkan pada 1hb. Mei 1987 dengan perbelanjaan-perbelanjaan seperti berikut:-

		RM
01/05/88	Belian tanah	70,000.00
01/05/88	Bayaran Guaman [RM10,000.00 berkaitan dengan tanah]	25,000.00
15/07/88	Bayaran Arkitek	15,000.00
26/07/88	Bayaran Bagi Meluluskan Pelan	8,000.00
02/09/88	Kos Meratakan Tanah	50,000.00
02/10/88	Bayaran Pembinaan	100,000.00
30/11/88	Bayaran Pembinaan	150,000.00
30/12/88	Pemasangan Kawat Elektrik dan Paip Air	40,000.00

Bangunan ini telah siap dibina pada 5/2/89. Pada 1/3/89 syarikat mula menjalankan perniagaan perusahaannya dengan menggunakan keseluruhan bangunan itu sebagai kilang. Syarikat telah membuat akaun pertamanya bertarikh 31/12/89 dan selepas itu bertarikh 31/12 tiap-tiap tahun.

Pada 10/5/93 bangunan itu telah dijual kepada Syarikat Maju Bhd. dengan harga RM550,000.00 termasuk RM150,000.00 kos tanah. Syarikat Maju Bhd. sebuah syarikat pengilang kain yang telah menjalankan perniagaannya beberapa tahun yang lalu, menggunakan 4/5 dari bangunan itu sebagai kilang dan 1/5 lagi sebagai pejabat. Tempoh perakaunan Syarikat Maju Bhd. berakhir pada 31hb. Disember tiap-tiap tahun. Syarikat Maju kemudianya telah membina satu sambungan pada bangunan asal dengan perbelanjaan-perbelanjaan berikut:-

		RM
01/07/93	Bayaran Arkitek	8,000.00
04/08/93	Kos Pembinaan	30,000.00
10/08/93	Pemasangan Kawat Elektrik	10,000.00

Sambungan ini telah siap dibina pada 15/12/93 dan terus digunakan sebagai kilang.

Bagaimanapun pada 5/5/94 sambungan ini telah dijual kepada Syarikat Mundur Bhd. dengan harga RM120,000.00 termasuk RM60,000.00 kos tanah. Syarikat Mundur Bhd. adalah sebuah syarikat pemborong alat-alat pertanian dan menggunakan keseluruhan bangunan sambungan ini sebagai gudang. Tempoh perakaunan Syarikat Mundur Bhd. berakhir pada 30hb. Jun tiap-tiap tahun.

Dikehendaki:

Kira Elaun Bangunan Perindustrian yang boleh diberikan kepada syarikat-syarikat yang berkenaan sehingga dan termasuk tahun taksiran 1995.

[18 markah]

...8/-

- 8 -

Soalan 5

Encik Tow Kay mempunyai empat buah rumah. Dia berikhtiar hendak menjual keempat-empat rumah tersebut pada 31/12/1995. Rumah Q disewakan RM1,000 sebulan. Isteri pertamanya duduk di rumah R. Dia dan isteri kedua tinggal di rumah S. Rumah T tak pernah diduduki.

Rumah	Q	R	S	T
Tarikh perolehan	2/05/1992	28/11/1969	3/06/1993	2/01/1995
Harga perolehan tanah	RM 75,000	RM 37,000	RM300,000	RM 70,000
Harga perolehan bangunan	80,000	30,000	200,000	-
Kos pembinaan bangunan	-	-	-	130,000
Kos tukar milik	1,200	300	2,500	700
Faedah setahun ke atas pinjaman perumahan sebulan	1,800	-	4,000	900
Komisyen jualan dibayar	2%	2%	2%	2%
Harga jualan	140,000	240,000	650,000	-
Harga pasaran pada 1/1/1970	-	72,000	-	-

Nota: Pembinaan rumah T dimulakan pada 1/2/1994. Rumah T dimusnahkan dalam kebakaran sebelum disiapkan. Gantirugi insuran sebanyak RM105,000. Rumah T boleh dijual dengan harga RM150,000 pada 31/12/1995.

Dikehendaki:

- (a) Kira cukai keuntungan jualan harta tanah Encik Tow Kay dari setiap rumah tersebut. Nasihatkannya rumah mana yang patut dipilih sebagai kediaman persendirianya (private residence).
- (b) Beri empat pengecualian cukai keuntungan jualan harta tanah.

[18 markah]

...9/-

Struktur cukai pendapatan individu yang kena dibayar untuk tahun taksiran 1995

Pendapatan boleh dikenakan cukai (RM)	Kadar cukai	Cukai pendapatan yang kena dibayar (RM)
1 - 2,500	0% pada RM2,500 pertama	0
2,501 - 5,000	3% pada <u>RM2,500</u> berikut Pada RM5,000 pertama	<u>75</u> 75
5,001 - 10,000	6% pada <u>RM5,000</u> berikut Pada RM10,000 pertama	<u>300</u> 375
10,001 - 20,000	7% pada <u>RM10,000</u> berikut Pada RM20,000 pertama	<u>700</u> 1,075
20,001 - 35,000	12% pada <u>RM15,000</u> berikut Pada RM35,000 pertama	<u>1,800</u> 2,875
35,001 - 50,000	18% pada <u>RM15,000</u> berikut Pada RM50,000 pertama	<u>2,700</u> 5,575
50,001 - 70,000	23% pada <u>RM20,000</u> berikut Pada RM70,000 pertama	<u>4,600</u> 10,175
70,001 - 100,000	28% pada <u>RM30,000</u> berikut Pada RM100,000 pertama	<u>8,400</u> 18,575
100,001 - 150,000	31% pada <u>RM50,000</u> berikut Pada RM150,000 pertama	<u>15,500</u> 34,075
150,000 atas	32%	

